

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Dua daripada tawaran awam permulaan (IPO) terbesar di Malaysia pada tahun ini, iaitu Westport Holdings dan UMW Oil & Gas dilihat telah menarik minat positif para pelabur berdasarkan kadar lebihan langganan yang diperolehi. Jumlah permulaan terbitan awam menjangkau sebanyak lebih kurang RM2 bilion bagi Westport dan RM2.36 bilion bagi UMW Oil & Gas.

Sambutan terhadap kedua-dua IPO ini harap boleh meningkatkan keyakinan syarikat-syarikat lain yang ingin memasuki pasaran. Ini adalah kerana pasaran agak lembab bagi penyenaiaan baru sejak Felda Global Ventures dan IHH pada tahun lepas di mana Malaysia muncul sebagai salah satu destinasi IPO terbesar dunia dengan penjanaan dana sebanyak RM29.2 bilion daripada pasaran IPO. Dijangka pada tahun ini juga akan ada dua lagi penyenaiaan baru yang besar bakal disenaraikan di Bursa iaitu Iskandar Waterfront Holdings dan 7-Eleven Malaysia.

Bagaimanapun terdapat pihak pelabur runcit minority yang merasa kurang selesa dan terasa dipinggirkan di dalam tawaran terbitan awam UMW Oil & Gas, sama seperti yang telah terjadi sebelum ini pada tahun lepas terutamanya di dalam tawaran-tawaran berkualiti. Ini adalah kerana hanya kadar minimum 2% ditawarkan kepada pihak ini walaupun bahagian mereka terlebih dilangani beberapa kali.

Bagi Westport Holdings pula, walaupun bahagian pelabur runcit ditawarkan lebih besar, tetapi IPO ini merupakan 100% tawaran jualan bagi saham-saham yang sedia ada. Ini bermakna semua hasil kutipan IPO akan disalurkan kepada pemegang saham sedia ada dan tiada dana daripada aktiviti penjanaan modal ini akan masuk kepada syarikat. Namun, yuran penyenaiaan berjumlah jutaan ringgit akan ditanggung oleh syarikat.

Menyentuh perkembangan rantau ini, keputusan Alibaba Group Holding Ltd, sebuah syarikat e-perdagangan China untuk melancarkan IPOnya di Amerika Syarikat (dan bukannya di Hong Kong) membuktikan langkah tegas pihak pengawal selia Hong Kong dalam mempromosikan tadbir urus korporat. Penyenaiaan ini mencecah lebih daripada \$15 bilion, namun demikian Bursa Saham Hong Kong tidak meneruskan penyenaiaannya akibat perbincangan mengenai isu urus tadbir korporat gagal.

Pihak kawal-selia Hong Kong dikatakan tidak membenarkan rakan-kongsi Alibaba membuat keputusan mengenai pencalonan lembaga pengarah, sebaliknya menekankan semua pemegang saham perlu dilayan dan diberi peluang untuk mencalon ahli lembaga mereka secara saksama.

Pengawasan pasaran yang sama boleh juga dilihat di Singapura, yang bakal memperkenalkan pemutus litar-pasaran (“*circuit-breaker*”) menjelang awal tahun hadapan selepas harga saham-saham Blumont Group Ltd., Asiasons Capital Ltd. dan LionGold Corp. (yang dikawal oleh pemegang saham Malaysia) menjunam secara mendadak dalam masa tiga hari pada minggu lepas, sekaligus melenyapkan \$6.9 bilion nilai pasaran.

Di bawah pelan SGX tersebut, dagangan saham akan dihentikan selama 5 minit jika ia melanggar had 10 peratus arah ke atas atau ke bawah. Selain itu, pihak kawal-selia juga bercadang untuk membuat semua pengarah bertanggungjawab (termasuk pengarah bukan eksekutif) mengenai terjadinya pemutus litar-pasaran, atau sekurang-kurangnya mempunyai satu proses membolehkan para pengarah disoal siasat sekiranya keadaan ini berlaku lebih daripada sekali. Sama ada cadangan ini dapat membendung spekulasi, hanya boleh terlihat apabila dilaksanakan kelak. Di Malaysia, Bursa akan mengeluarkan pertanyaan aktiviti pasaran luar biasa (UMA) sekiranya harga saham syarikat medadak naik atau turun melebihi sesuatu tahap peratus had untuk membendung spekulasi berlebihan serta untuk perlindungan pelabur. Tindakan ini adalah selain daripada tindakan pemutus litar-pasaran.

Dalam hal berasingan, Dana Global Pencen Kerajaan Norway (GPF), yang merupakan dana terbesar dunia telah mengeluarkan 5 syarikat daripada senarai pelaburan mereka berdasarkan penilaian risiko dan kerosakan teruk alam persekitaran. Di antara syarikat-syarikat tersebut ialah dua daripada syarikat Malaysia, iaitu TA Ann Holdings dan WTK Holdings. Syarikat yang lain ialah Zijin Mining Group (China), Volcan Cia Minera SAA (Peru) dan Zuari Agro Chemical (India). Ia juga telah mengeluarkan Wal-Mart Stores Inc dan British American Tobacco Plc selaras dengan cadangan Badan Etika Kementerian mereka.

Tindakan ini boleh memberi kesan negatif terhadap TA Ann dan WTK. Dengan demikian syarikat-syarikat tersebut perlu proaktif dan mengambilkira hal-hal tanggungjawab sosial dan persekitaran serta telus dalam penzahiran polisi-polisi berkaitan.

Salam,

Rita

MAJLIS ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT TAHUNAN MSWG 2013 - NANTIKAN TARIKH INI!

Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat Tahunan MSWG 2013 kini akan diadakan pada **16 Disember 2013** di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BHD (“FGVH”)

FGVH bercadang untuk mengambilalih baki kepentingan sebanyak 51% di dalam Felda Holdings Bhd (“FHB”) yang belum dimilikinya, menjadikan FHB sebagai anak syarikat milik penuh FGVH pada pertimbangan tunai sebanyak RM2.2 bilion (“Cadangan Pengambilalihan”). Cadangan pengambilalihan ini akan dibiayai menerusi dana yang diraih daripada IPO sebelum ini dan pinjaman bank.

Rasional cadangan pengambilalihan ini adalah untuk membolehkan FGVH memiliki kawalan penuh bagi keseluruhan rantaian nilai perladangan dan meraih kecekapan operasi, serta mencapai sinergi di dalam rantaian nilai perladangan kumpulan syarikat-syarikat FGVH.

KOMEN MSWG:

Pembelian 51% kepentingan ekuiti di dalam FHB akan menjadikan FHB sebagai anak syarikat milik penuh FGV. Jumlah pembelian sebanyak RM2.20 bilion bagi 51% kepentingan tersebut berbanding dana pemegang saham FHB pada 31 Disember 2012 sebanyak RM4.57 bilion mewakili nisbah harga/buku sebanyak 1.06 kali. Harga pembelian tersebut juga mewakili 5.66 kali Harga/Perolehan berdasarkan keuntungan kepada pemilik FHB sebanyak RM388.1 juta pada 31 Disember 2013. Pengambilalihan ini boleh melonjakkan keuntungan FHB dalam keadaan trend menurun harga CPO kini memandangkan harga stok suapan yang agak rendah. Pengambilalihan ini akan menggunakan tunai yang diraih daripada dana IPO baru-baru ini.

Para pemegang saham FGV perlu meluluskan cadangan ini pada mesyuarat agung luar biasa (EGM).

TOP GLOVE CORPORATION (“TOP GLOVE”)

Top Glove telah mengumumkan cadangan untuk menyahsenarai anak syarikatnya Medi-Flex dari Bursa Saham Singapura, melalui tawaran am bagi baki 20.23% kepentingan yang tidak dimilikinya. Tawaran tersebut dilakukan pada harga tawaran sebanyak S\$0.15 sesaham, mewakili premium sebanyak 15% pada harga tutup saham pada 11 Oktober 2013 dan melibatkan kos tunai sekurang-kurangnya S\$28.2 juta (RM71.9 juta) kepada Top Glove.

KOMEN MSWG:

Cadangan ini dinilai pada nisbah harga perolehan (PE) yang lebih rendah daripada PE Top Glove dan cadangan penswastan ini akan menyumbang sedikit pertambahan pendapatan kepada Kumpulan Top Glove.

SURIA CAPITAL HOLDINGS BERHAD (“SURIA”)

Pada 21 Mei 2013 Suria telah memeterai satu perjanjian usahasama dengan SBC Corporation Berhad (“SBC”) untuk membangunkan secara komersil sebidang hartanah seluas 16.25 ekar yang terletak di dalam kawasan Pelabuhan Kota Kinabalu. Nilai jualan bersih minima bagi unit-unit yang akan dibangunkan dalam Projek Usahasama ini adalah sebanyak RM1.8 bilion. Nilai jualan bersih ini akan dibahagikan di antara Suria dan SBC masing-masing pada kadar 18% dan 82%. Suria akan memohon kelulusan para pemegang sahamnya bagi Projek Usahasama ini pada EGM yang akan diadakan pada 24 Oktober 2013.

KOMEN MSWG:

Kami mengambil perhatian bahawa nilai modal pasaran SBC berjumlah kira-kira RM136 juta pada 20 Mei 2013, iaitu sehari sebelum pengumuman Projek Usahasama tersebut. Untuk melibatkan diri dalam Projek Usahasama ini, SBC mungkin memerlukan pinjaman yang besar (seterusnya menyebabkan nisbah hutang/ekuiti (*gearing*) meningkat) untuk membiayai keseluruhan projek. Mengambil kira perkara ini, kami ingin tahu sebab-sebab Suria memilih SBC, yang pada pandangan kami merupakan sebuah syarikat hartanah bersaiz kecil, dan bukannya pemain industri hartanah yang lebih besar untuk membangunkan projek berskala besar ini. Kami juga ingin sedikit penjelasan mengenai asas pembahagian yang telah ditetapkan pada nisbah 18-82, memandangkan isu-isu ini tidak dibincangkan dengan jelas di dalam Pekeliling kepada pemegang saham.

Kami akan menghadiri EGM Suria pada 24 Oktober 2013 untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu-isu yang dibangkitkan di atas.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.